

Selesaikan isu nelayan asing

Sinar Harian 14/7/2018 M/S 17

*Isu pencerobohan
nelayan asing dan
bot pukat tunda
berlarutan sejak
sekian lama*

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Terengganu mahu isu pencerobohan nelayan asing dan bot pukat tunda di zon tangkapan nelayan pantai diselesaikan segera kerana sudah berlarutan sejak sekian lama.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, perkara itu antara isu yang dibangkitkan beliau

dalam mesyuarat bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub, kelmarin.

Menurutnya, masalah lapuk yang telah berlarutan sejak sekian lama mestidicari puncanya sehingga ke lubuk mana sekalipun. Kita tak mahu lagi dengar alasan.

"Bot nelayan asing dan bot pukat tunda itu besar saiznya. Mereka bukannya guna bot enjin sangkut.

"Saya yakin bot itu tak ada kuasa ghaib yang boleh mengaburi pandangan penguat kuasa undang-undang.

"Kalau kata mereka beroperasi waktu malam, tak mungkin kapal APMM atau Polis Marin tak ada lampu. Nelayan kita sampai boleh tangkap gambar bot yang menceroboh," katanya.

Sebagai usaha menyelesaikan masalah itu kata Azman, satu pasukan petugas yang menggabungkan beberapa



Azman dalam mesyuarat bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, kelmarin.

kementerian, jabatan dan agensi mesti dibentuk bagi menyiasat dan mencari punca pencerobohan terus berlaku.

Jika masih gagal katanya, penubuhan suruhanjaya khas

info

Beberapa kementerian, jabatan dan agensi mesti dibentuk menyiasat dan mencari punca pencerobohan terus berlaku

seperti Suruhanjaya Diraja mungkin boleh dilaksanakan sebagai gambaran keseriusan kerajaan membantu nelayan tempatan.

"Nelayan kita sudah terlalu lemah dan penat dengan isu ini. Saya dah tak sanggup melihat mereka menitiskan air mata di depan kita bila meluahkan perasaan menyentuh isu ini."

"Dalam Sidang Dewan Undangan Negeri yang lepas, saya telah memberikan janji komitmen untuk membincangkan isu ini secara serius dengan Kerajaan Pusat," katanya.